

Headline	<b>Report card on syariah compliance level in March</b>
Date	<b>12 February 2016</b>
Media Title	<b>New Straits Times</b>
Section	-
Page Number	-

## Report card on syariah compliance level in March

**PUTRAJAYA:** Prime Minister Datuk Seri Najib Razak will table a report card on the level of syariah compliance in government policies on March 28.

He said yesterday the report was to gauge if government policies complied with Islamic teachings.

"We cannot draw general conclusions which may be clouded by our experiences. Our conclusion may not be accurate to determine if our policies today are based on syariah.

"I want to know the shortcomings

that need to be corrected. If something can be measured, things can be improved. The *maqasid syariah* index gives us this," Najib said at a ceremony to thank 133 researchers for making the index a reality.

Researchers from the International Islamic University Malaysia, Islamic Science University of Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia and Universiti Utara Malaysia had conducted studies on the syariah index.



*Prime Minister Datuk Seri Najib Razak taking a picture with researchers at a thanksgiving ceremony in Putrajaya yesterday. With him is Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Jamil Khir Baharom (front row, third from left). Pic by Mohd Fadli Hamzah*

Headline	Cabaran perumahan mampu milik
Date	23 August 2016
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Rencana
Page Number	-

# CABARAN PERUMAHAN MAMPU MILIK



**MOHD. HAMDAN AHMAD**

**P**ERUMAHAN adalah agenda pembangunan utama sebuah negara termasuklah Malaysia. Agenda dan pembangunan perumahan dan pemilikan rumah dan harta tanah sentiasa menjadi isu utama dalam perbincangan geopolitik. Kajian yang dibuat oleh Institut Sultan Iskandar (ISI) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersama Kumpulan Penyelidik Survei (SRG UTM) menunjukkan tahap persepsi dan kepuasan rakyat terhadap pencapaian perumahan masih perlu ditingkatkan bukan sahaja dari segi bilangan tetapi juga boleh milik.

Kesedaran yang sama juga di kenal pasti dalam kajian oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) apabila aspek belia dan perumahan juga didapati tidak bersejuaian dengan kumpulan sasar yang berpendapatan sederhana dan rendah. Kajian ISI UTM bersama Pusat Kajian Harta Tanah (CRES UTM) berhubung kemampuan bumiputera memiliki harta tanah di Johor menunjukkan perlunya isu bekalan dan kemampuan memiliki rumah ini dijadikan agenda serius bagi mencapai sasaran kerajaan.

Jadi apakah kemampuan membeli rumah berdasarkan golongan sasaran? Mengapakah pula banyak pembinaan perumahan di sekitar kita? Siapakah yang sebenarnya membelinya? Adakah ia habis dijual? Persoalan ini sentiasa bermain di fikiran ramai yang akhirnya terpacul sindiran 'rumah mampu tengok!'

Di Malaysia, Dasar Perumahan Negara menjadi garis panduan hala tuju perancangan dan pembangunan perumahan. Perumahan yang disediakan perlulah bersejuaian dengan kemampuan, selesa dan mencapai kualiti yang ditetapkan. Kerajaan Negeri Johor memperkenalkan Dasar Perumahan Rakyat Johor pada 2012 bagi membantu menyegerakan



pencapaian rumah mampu milik. Ia digunakan untuk memastikan pihak pemaaju memberi kesetiaan kepada pembangunan rumah mampu milik di Johor.

Dasar ini juga menetapkan 40% rumah mampu milik bagi setiap skim perumahan dalam wilayah Iskandar Malaysia dengan harga tidak melebihi RM150,000. Walaupun mempunyai dasar perumahan di peringkat negara dan negeri, cabaran utama masa kini adalah pencapaian sasaran terutama penyediaan rumah mampu milik yang mesra keluarga, selesa dan bertepatan dengan pendapatan isi rumah. Difahamkan hanya sekitar 20% sahaja perumahan baru menyediakan rumah berharga RM250,000! Jadi adakah kita mampu?

Secara umumnya definisi perumahan mampu milik adalah rumah yang mampu dimiliki atau dibeli oleh rakyat biasa yang termasuk dalam golongan sasaran iaitu kebolehan isi rumah berpendapatan sederhana mengikut piawaian yang ditentukan. Kaedah utama yang biasa digunakan sebagai piawaian adalah dengan merujuk kepada pendapatan isi rumah.

Kaedah pertama adalah dengan melihat jumlah pendapatan tahunan isi rumah di mana dianggarkan mereka mampu memiliki atau membeli jika harga rumah tidak melebihi tiga kali ganda pendapatan tahunan mereka. Kaedah kedua adalah dengan melihat kemampuan membiayai atau mengagihkan 30 peratus gaji bulanan isi rumah bagi tujuan ansuran perumahan. Malangnya, mengikut kajian KRI, harga rumah pada masa ini kebanyakannya melebihi empat kali

**Kaedah pertama adalah dengan melihat jumlah pendapatan tahunan isi rumah di mana dianggarkan mereka mampu memiliki atau membeli jika harga rumah tidak melebihi tiga kali ganda pendapatan tahunan mereka.**

ganda pendapatan tahunan isi rumah. Contohnya, jika pendapatan isi rumah adalah RM5,000 sebulan yang mana jumlah pendapatan tahunan RM60,000 harga rumah yang mampu dimiliki di pasaran perlulah tidak melebihi RM180,000 sahaja. Kebanyakan harga pasaran rumah sekarang adalah melebihi RM240,000 yang menunjukkan ketidakmampuan untuk membelinya.

Secara umumnya harga rumah bergantung kepada beberapa faktor. Pertama adalah kos pembinaan rumah tersebut di atas tanah tertentu. Terdapat komponen harga tanah yang dipengaruhi lokasi dan keadaan tanah, infrastruktur umum terbahit, pembinaan struktur asas bangunan, kemasn bangunan, dan aspek perundangan. Kedua adalah lokasi tapak cadangan perumahan.

Tapak tanah di bandar adalah terhad dan mahal harganya yang menyebabkan pemaaju membina rumah mewah seperti membina kondominium yang mempunyai densiti yang lebih tinggi dalam kawasan tanah yang terhad. Harga tanah amat sukar dikawal dan kita dapat melihat kenaikan harga setiap tahun. Pembinaan rumah kos tinggi tidak mampu dibeli golongan sasaran yang menunggu rumah mampu milik yang mungkin tidak dilaksanakan oleh pemaaju kerana tidak memberikan pulangan yang tinggi.

Selain itu, aspek pembayaran fi, proses pembangunan dan perun-

dangan jual beli juga melibatkan kos. Kos ini mungkin boleh diberikan perhatian oleh pihak pemaaju dan kerajaan supaya tidak membebankan. Kos rumah juga bergantung kepada keadaan ekonomi semasa. Jika tahap inflasi tinggi harga rumah selalunya naik untuk bertahan lama di pasaran dengan pembelian yang berkurangan. Di samping itu, aspek pembelian untuk pelaburan harta juga akan menaikkan permintaan yang secara tidak langsung menaikkan harga pasaran.

Kawalan harga boleh dilakukan oleh pihak berwajib dengan mengawal harga bahan binaan dan juga pengurangan cukai bahan itu. Pada masa sama pengawalan harga rumah boleh ditentukan dengan benar-benar mengkaji keperluan dan keupayaan membeli mengikut kawasan yang ditentukan. Subsidi dan insentif tertentu juga boleh difikirkan bagi menambah minat pemaaju swasta untuk turut serta dalam pembangunan perumahan mampu milik ini.

Kemudahan pinjaman yang mempunyai keperluan bukti pendapatan perlu dilihat semula memandangkan ramai dalam kalangan golongan sasaran ini adalah bekerja sendiri dan tidak dapat membuktikan yang mereka dapat membayar semula pembiayaan dan pinjaman mereka dengan pihak bank.

Jika kita tidak mampu membeli rumah, adakah perlu kita teruskan hajat kita? Perlukah kita membebankan golongan muda membuat pinjaman untuk membeli rumah dan terpaksa membiayai pinjaman perumahan yang panjang? Bolehkah masyarakat kita menerima kaedah perumahan menyewa seperti di negara maju? Apa yang penting memastikan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat kemudahan perumahan. Perumahan membawa kepada kesejahteraan rakyat.

**PROF. DR. MOHD. HAMDAN AHMAD**  
 ialah Pengarah Eksekutif Pusat Sultan Iskandar Habat Bandar Rekreasi Universiti Teknologi Malaysia.



Headline	Wajah wanita Berjaya pacu negara
Date	13 October 2016
Media Title	Berita Harian
Section	Wanita
Page Number	33

BH Khamis, 13 Oktober 2016

Ms.33

## → WANITA



Raha (dua dari kiri) bersama Mohd Hamdan (kiri) mendengar penerangan daripada Zuraidah ketika melawat pameran 'Wajah Wanita & Bandaraya Lestari Malaysia' di Balai Seni Visual Negara.



Pengunjung melihat rakaman fotografi kerja di lapangan pada pameran di Balai Seni Visual Negara.

**Info**

**Pameran Wajah Wanita & Bandaraya Lestari Malaysia**

- Berlangsung di Balai Seni Visual Negara.
- Diadakan selama sebulan.
- Ia dibuka secara percuma.
- Masa: 10 pagi hingga 6 petang setiap hari.
- Kerjasama antara UTM dan Institut Teknologi Massachusetts, AS.

# Wajah wanita berjaya pacu negara

→ Pameran harga sumbangan golongan hawa diadakan di Balai Seni Visual Negara

Oleh Norhafzan Jaafar  
hafzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**W**anita negara ini memainkan peranan penting sebagai penyumbang utama dalam mengubal dan melaksanakan dasar pembangunan lestari ke arah mencapai Malaysia maju.

Pemimpin dan pengurus wanita dalam pelbagai peringkat layak digelar 'wira tak didendang' dalam memainkan peranan masing-masing ke arah melaksanakan dasar itu.

Menyadari kepentingan itu, Institut Teknologi Massachusetts, Amerika Syarikat dengan kerjasama Program Bandaraya Lestari Malaysia Universiti Teknologi Malaysia (MSCP) mengadakan pameran 'Wajah Wanita & Bandaraya Lestari Malaysia' bagi menghargai sumbangan mereka dalam pembangunan bandar raya lestari.

Pengarah Eksekutif Institut Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Dr Mohd Hamdan Ahmad, berkata pameran yang berlangsung di Balai Seni Visual Negara, dari 8 Ok-

tober hingga 13 November ini meneroka sumbangan yang dimainkan wanita dari pembuat dasar hingga golongan usahawan sosial dalam menyumbangkan kepada pembangunan lestari Malaysia.

### Rakam wajah tokoh wanita

"Pameran ini adalah hasil kerjasama UTM dan Institut Teknologi Massachusetts, Amerika Syarikat di bawah program MSCP dengan agenda utama adalah mengkaji usaha pembangunan bandar raya lestari di Malaysia.

"Sepanjang program itu, ia secara tidak langsung turut merakamkan peranan wanita sebagai ejen perubahan yang terbabit secara langsung dalam pembangunan beberapa bandar raya utama di Malaysia.

"Jadi wajah mereka dipamerkan dalam pameran yang membabitkan lebih 70 rakaman fotografi kerja di lapangan, selain 21 video temu bual dan 19 dokumentari penyelidikan," katanya kepada BH selepas majlis pelancaran pameran itu, kelmarin.

Mohd Hamdan berkata, pameran berkenaan juga pernah diadakan di Wolk Gallery, MIT se-



Mohd Hamdan Ahmad, Pengarah Eksekutif Institut Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia

Wajah mereka dipamerkan dalam pameran yang membabitkan lebih 70 rakaman fotografi kerja di lapangan, selain 21 video temu bual dan 19 dokumentari penyelidikan"

Jama sebulan, pada 30 April hingga 31 Julai tahun lalu dengan tajuk *Female Faces in Sustainable Place*.

### 21 wanita beri sumbangan pelbagai bidang

Katanya, seramai 21 wanita yang memberi sumbangan dalam pelbagai bidang kepada pembangunan lima bandar raya iaitu Putrajaya/Cyberjaya, Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru dan Kuching dirakamkan wajah mereka untuk pameran berkenaan.

Antara wajah terbabit termasuk Presiden Pertubuhan Majlis Wanita Kebangsaan (NCWO), Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan; bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz; Presiden Mercy Malaysia, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC), Datuk Yassin Mahmood.

Turut dirakamkan adalah Pengasas dan Pengerusi Yayasan Sukarelawan Siswi, Datuk Zuraidah Atan; aktivis, Datin Paduka Marina Mahathir; Pengarah Pejabat Pelestarian Kampus UTM, Dr Iri-na Safitri Zen dan Pengasas Social Enterprise Alliance (SEA), Elly-nita Lamin.